

Undang-undang Siber



Apa itu Undang-undang Siber?



Undang-undang siber menerangkan mengenai isu-isu dan undang-undang berkenaan dengan penggunaan teknologi maklumat antara rangkaian. Antara topik yang berkaitan dengan undang-undang siber adalah hak cipta, privasi dan kebebasan bersuara.

Kerajaan Malaysia telah menggubal lima undang-undang siber khusus untuk menghalang aktiviti jenayah siber dari berleluasa di Malaysia:

- **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998**
- **Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998**
- **Akta Tandatangan Digital 1997**
- **Akta Jenayah Komputer 1997**
- **Akta Teleperubatan 1997**





- **Jenayah siber boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja kerana di internet, anda boleh menyamar tanpa identiti khusus.**
- **Undang-undang siber dan undang-undang kerajaan elektronik amat penting untuk melindungi pengguna biasa dari ancaman penjenayah siber yang amat bijak.**